

# ESEI MAS MODULAR PENDIDIKAN MORAL KSSM SPM TAHUN 2025

## UNIT 3 TING 4 : PRINSIP KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

1	Jelaskan <b>contoh / ciri</b> prinsip keadilan. [4m]
2	Jelaskan <b>contoh / ciri</b> prinsip keprihatinan. [4m]
3	Jelaskan <b>kepentingan</b> prinsip keadilan dalam membuat keputusan. [4m]
4	Jelaskan <b>kepentingan</b> prinsip keprihatinan dalam membuat keputusan. [4m]
5	Huraikan tindakan berdasarkan <b>prinsip keadilan</b> . 公平法则 [8m]
6	Huraikan tindakan berdasarkan <b>prinsip keperihatinan</b> . 关怀法则 [8m]
7	<b>Wajarkah</b> kerajaan memansuhkan hukuman mati <b>mandatori</b> ? Jelaskan jawapan anda. [4m]

1 | Jelaskan **contoh / ciri** prinsip keadilan. [4m]

**Bersikap tidak berat sebelah** semasa memberi hukuman dan ganjaran. **Memberi layanan sama rata** tanpa mengira status sosial dan sosioekonomi. **Adil semasa beri bantuan** kepada mangsa bencana alam dan rakyat yang berkeperluan.

\*\* (pilih mana-mana 2 set jawapan, 只需要选任何 2 组就可以拿到 4 分)

2 | Jelaskan **contoh / ciri** prinsip keprihatinan. [4m]

**Berperikemanusiaan** dengan menunjukkan sikap simpati terhadap mangsa bencana dan mengambil kira keperluan golongan kurang bernasib baik. **Kepedulian** dengan membantu golongan yang memerlukan bantuan dan selamatkan haiwan. **Pemurah** dengan mendermakan wang dan meluangkan masa untuk membantu orang lain.

\*\* (pilih mana-mana 2 set jawapan, 只需要选任何 2 组就可以拿到 4 分)

3 | Jelaskan **kepentingan** prinsip keadilan dalam membuat keputusan. [4m]

Kepentingan prinsip keadilan dalam membuat keputusan ialah tidak **menjejaskan kepentingan orang lain** dan **dapat menjaga hak kemanusiaan sejagat**. Maka kepentingan semua manusia dapat dijaga.

Kepentingan prinsip keadilan dalam membuat keputusan ialah dapat **mengelakkan perselisihan faham** dan dapat **membela nasib golongan yang tertindas**. Maka keharmonian masyarakat dapat dikekalkan.

4 | Jelaskan **kepentingan** prinsip keprihatinan dalam membuat keputusan. [4m]

Kepentingan prinsip keprihatinan dalam membuat keputusan ialah dapat **mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan** dan **menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat**. Maka kepentingan semua manusia dapat dijaga.

Kepentingan prinsip keprihatinan dalam membuat keputusan ialah **semua lapisan masyarakat mendapat keprihatinan yang sewajarnya**. Maka keharmonian masyarakat dapat dikekalkan.

5 | Huraikan tindakan berdasarkan **prinsip keadilan**. [8m]

**Prinsip keadilan**. Laporkan kepada polis / guru disiplin dengan memberi hukuman berat. Kerana \_\_\_\_\_ adalah salah di sisi undang-undang. Hukuman berat dapat menjadi pengajaran kepada pesalah supaya tidak ulang perbuatan \_\_\_\_\_ dan memberi amaran kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama. Semua orang akan berfikir dua kali kerana tidak mahu buat salah.

6 | Huraikan tindakan berdasarkan **prinsip keperihatinan**. [8m]

**Prinsip keprihatinan**. Memberi peluang kepada pesalah kerana dia ditipu / \_\_\_\_\_. Prihatin dan mengambil kira situasi dia sebab dia terdesak. Dia tidak ada pilihan dan telah buat salah kerana tidak sedar tentang kesalahan yang dibuat.

**Wajarkah** kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori 政府应该废除强制性死刑吗？  
Jelaskan jawapan anda. [4m]

**Tidak wajar.** Kerana hukuman mati mandatori hanya akan dilakukan kepada penjenayah yang kejam. Penjenayah kejam tidak ada perikemanusiaan. Hukuman mati mandatori akan memberi pengajaran kepada ahli masyarakat supaya tidak terlibat dalam jenayah kejam. Ahli masyarakat akan berfikir sebelum melakukan sesuatu jenayah.

**\*\*tidak wajar mansuh hukuman mati ialah prinsip keadilan.** 不应该废除死刑是公平法则。

**Wajar.** Kerana terdapat jenis hukuman lain yang boleh dilakukan. Contohnya hukuman yang boleh dilakukan adalah penjara / denda / sebatan. Penjenayah mungkin dianiayai oleh orang lain. Penjenayah harus diberi peluang untuk berubah jadi baik / insaf atas kesalahan yang dibuat.

**\*\*wajar mansuh hukuman mati ialah prinsip keprihatinan.** 应该废除死刑是关怀法则。

#### UNIT 6 TING 4 : INTEGRITI KELUARGA 家庭诚信=keluarga bahagia 家庭幸福

1	Jelaskan <b>ciri-ciri keluarga yang berintegriti.</b> [4m]
2	Integriti keluarga sangat <b>penting</b> dalam kehidupan hari ini. Justifikasikan.
3	Bincangkan <b>cara / langkah memupuk integriti keluarga.</b>
4	Huraikan <b>kesan / akibat / implikasi</b> tidak ada integriti keluarga
5	Cerakinkan <b>kesan</b> penderaan kanak-kanak / keganasan rumah tangga
6	Pembentukan integriti keluarga hari ini menghadapi pelbagai <b>cabaran</b> . Bincangkan.

1 | Jelaskan **ciri-ciri keluarga yang berintegriti.** [4m]

**Amanah.** Ibu bapa perlu jaga anak dan tidak boleh mendera anak. Anak harus taati ibu bapa bila mereka tua. Ahli keluarga tidak beritahu orang lain rahsia keluarga 家里的秘密. **Ada hubungan erat.** Ibu bapa perlu ada masa untuk bersama dengan anak supaya hubungan dengan anak baik. (tuliskan sampai sini, sudah dapat 4 markah, 写到这里就可以拿到 4 分了)

Ciri-ciri integriti keluarga ialah **penyayang, saling menghormati dan bertanggungjawab.** Anak harus dengar nasihat ibu bapa. Ibu bapa harus dengar pandangan 意见 anak. Ahli keluarga jalankan tugas masing-masing dalam keluarga. Ayah pergi kerja cari duit untuk keluarga. Anak tolong emak buat kerja rumah. 注意这 3 个用词是 nilai, 可是没有其他的答案了. \*\*\*3 ini ialah nilai. Tapi jika perlu, tulis jer.....

2 | Integriti keluarga sangat **penting** 重要性 dalam kehidupan hari ini. Justifikasikan. [8m]

Integriti keluarga penting **supaya keluarga bahagia.** Ahli keluarga tidak bergaduh dan keluarga menjadi harmoni. Dengan itu, Ibu bapa tidak akan bercerai. Anak berasa dihargai dan tidak akan lari dari rumah.

Integriti keluarga penting **supaya imej keluarga baik.** Anak akan berkelakuan baik. Ahli keluarga akan saling memberi layanan baik dan tidak ada pilih kasih dalam keluarga. Dengan itu, semua ahli keluarga akan hidup dengan bahagia.

3 | Bincangkan **cara / langkah 方法 memupuk integriti keluarga.** [8m]

Cara memupuk integriti keluarga ialah **ahli keluarga perlu saling memberi layanan yang baik.** Dengan itu, Ibu bapa tidak boleh pilih kasih dan tidak boleh cepat naik marah dan pukul anak. Maka Ibu bapa akan dengar pendapat anak dan anak dengar nasihat ibu bapa. Ibu bapa perlu ada masa untuk bersama dengan anak supaya hubungan dengan anak baik.

Cara memupuk integriti keluarga ialah **meraikan hari Istimewa dalam keluarga.** Ini dapat tunjuk anak hargai jasa ibu bapa. Ibu bapa perlu puji anak yang berjaya supaya anak rasa mereka penting dalam keluarga. Anak akan lakukan perbuatan yang baik dan keluarga menjadi bahagia.

4 Huraikan **kesan / akibat / implikasi** 后果 tidak ada integriti keluarga.

Kesan tidak ada integriti keluarga ialah **keluarga akan berpecah**. Ibu bapa akan bercerai. Keluarga tidak harmoni kerana selalu bergaduh. Anak-anak akan menjadi tidak baik dan keluarga menjadi tidak bahagia.

Kesan tidak ada integriti keluarga ialah **anak berasa tidak ada orang prihatin mereka**. Mereka akan sertai gejala sosial seperti lari dari rumah 离家出走. Imej keluarga akan terjejas. Keputusan peperiksaan anak juga tak baik kerana tak dapat fokus untuk pelajaran

5 Cerakinkan **kesan penderaan kanak-kanak** 虐待儿童 / **keganasan rumah tangga**. 家暴

Kesan penderaan kanak-kanak ialah anak akan **tekanan perasaan**. Anak berasa sedih dan takut kerana mereka selalu dipukul. Anak akan tidak ada keyakinan diri. Mereka tidak suka bercampur dengan orang lain dan mereka akan kurung diri dalam bilik. Akhirnya mereka menjadi murung. 抑郁症

Kesan penderaan kanak-kanak ialah anak akan **cedera**. Mereka akan lebam 黑青. Keluarga menjadi tidak harmoni kerana anak selalu dimarah. Anak akan mati kerana dipukul dengan teruk. Ibu bapa akan ditangkap oleh polis kerana mendera anak. Imej keluarga boleh terjejas.

6 Pembentukan integriti keluarga hari ini menghadapi pelbagai **cabaran**. Bincangkan.

Cabarannya ialah **ibu bapa hadapi masalah tidak ada duit**. Mereka sibuk bekerja. Mereka cepat naik marah dan pukul anak untuk lepaskan tekanan kerja 发泄工作压力. Anak akan rasa tidak ada orang peduli mereka dan buat perkara yang tidak baik seperti menagih dadah.

Cabarannya ialah **ahli keluarga selalu bermain telefon bimbit** dan kurang bercakap dengan ahli keluarga yang lain. Mereka tidak ada masa untuk anak dan tidak ambil berat keadaan anak. Hubungan keluarga akan jadi tidak baik dan tidak dapat bentuk keluarga bahagia.

## UNIT 9 TING 4 : PERPADUAN

1	Huraikan <b>contoh amalan</b> yang dipraktikkan dalam memupuk <b>perpaduan</b> rakyat Malaysia. [4]
2	Bincangkan <b>kepentingan / manfaat / kebaikan perpaduan</b> dalam kalangan masyarakat majmuk. [8]
3	Jelaskan <b>cabaran / halangan / rintangan</b> dalam memupuk perpaduan masyarakat Malaysia.
4	<b>Bagaimanakah</b> rakyat Malaysia dapat memupuk <b>integrasi antara kaum ? @ cara / langkah</b>
5	Jika rakyat Malaysia tidak bersatu padu, maka akan menimbulkan <b>kesan / akibat / implikasi</b> yang buruk. Justifikasikan. [8]
6	Senaraikan <b>agensi</b> yang memupuk semangat perpaduan. [4]

1. Huraikan **contoh amalan** dalam memupuk **perpaduan** rakyat Malaysia. [4]

Contoh amalan dalam memupuk perpaduan rakyat Malaysia ialah **sukan**. Rakyat Malaysia boleh bersama-sama sokong pasukan negara semasa pertandingan antarabangsa. Contohnya pasukan badminton. Rakyat Malaysia boleh sama-sama **sambut perayaan**. Contohnya pergi rumah terbuka semasa Hari Raya Puasa. Rakyat Malaysia memakai pakaian yang sopan kerana menerima budaya kaum lain. Rakyat Malaysia boleh pergi **aktiviti cinta akan negara**. Contohnya sambutan hari mederka. Rakyat Malaysia boleh mengibarkan bendera Malaysia.

2. Bincangkan **kepentingan / manfaat / kebaikan perpaduan** dalam kalangan masyarakat majmuk. [8]

Kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk ialah **dapat hidup harmoni**. Contohnya rakyat tidak bergaduh. Maka, negara akan aman dan selamat. Ini dapat tarik pelabur asing datang ke Malaysia untuk melabur. Dengan itu, ekonomi Malaysia naik.

Kepentingan perpaduan ialah **politik negara stabil** 政治稳定. Negara kuasa besar tidak datang ganggu Malaysia. Ramai pelancong datang ke Malaysia kerana rakyat Malaysia bersatu padu. Dengan itu, pendapatan negara boleh bertambah kerana peluang pekerjaan banyak. Pembangunan negara dan imej negara juga dapat naik.

3. Jelaskan **cabaran / halangan / rintangan** 挑战 dalam memupuk perpaduan. [8]

Cabaran dalam memupuk perpaduan ialah **cabaran bahasa**. Rakyat Malaysia tidak pandai cakap bahasa Melayu. Contohnya, orang Cina suka cakap bahasa Cina. Mereka tidak dapat berkomunikasi / bercakap dengan orang Melayu dan orang India. Dengan itu, salah faham boleh berlaku.

Cabaran lain ialah **tidak menerima budaya kaum lain**. Mereka tidak faham agama dan adat resam kaum lain. Mereka anggap budaya sendiri paling bagus. Mereka juga tidak bertolak ansur dengan cara hidup kaum lain. Mereka tidak suka budaya kaum lain.

4. **Bagaimanakah** 方法 rakyat Malaysia dapat memupuk **integrasi antara kaum**? [8]

Rakyat Malaysia dapat memupuk integrasi antara kaum melalui **sukan**. Rakyat Malaysia boleh bersama-sama sokong pasukan negara semasa pertandingan antarabangsa. Contohnya pasukan badminton.

Rakyat Malaysia menyertai **aktiviti keramaian**. Contohnya pergi rumah terbuka semasa Hari Raya Puasa. Rakyat Malaysia memakai pakaian yang sopan kerana menerima budaya kaum lain.

Rakyat Malaysia boleh pergi **aktiviti kokurikulum**. Contohnya menyertai program kebudayaan di sekolah. Rakyat Malaysia boleh belajar budaya kaum lain. Mereka boleh makan makanan kaum lain seperti roti canai dan nasi lemak.

5. Jika rakyat Malaysia tidak bersatu padu, maka akan menimbulkan **kesan** yang buruk. Justifikasikan. [8]

Kesan buruk jika rakyat Malaysia tidak bersatu padu adalah **kesejahteraan masyarakat terjejas**. Mereka akan bergaduh antara satu sama lain kerana salah faham. Mereka tidak dapat menerima budaya hidup kaum lain. Maka ini akan menjejaskan hubungan baik antara kaum.

Kesan buruk adalah **imej negara terjejas**. Negara lain akan memandang rendah kepada negara Malaysia kerana rakyatnya tidak dapat bertolak ansur antara satu sama lain. Hal ini boleh memalukan negara Malaysia kerana tidak dapat hidup harmoni dalam sesebuah negara.

Kesan buruk jika Rakyat Malaysia tidak berpadu padu adalah **pembangunan ekonomi negara terjejas**. Rakyat Malaysia cemburu kekayaan antara satu sama lain. Mereka tidak berusaha bersama-sama untuk memajukan ekonomi negara. Pelabur tidak berani datang melabur di Malaysia. Pelancong pun tidak mahu datang ke Malaysia. Maka, ekonomi Malaysia tidak boleh maju.

6. Senaraikan **agensi** 公共机构 yang memupuk semangat perpaduan. [4m]

Agensi yang memupuk semangat perpaduan ialah **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Rukun Tetangga, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.**

**UNIT 8 TING 4 : HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA** 国民的权利和责任

1	Nyatakan hak sebagai seorang warganegara menurut Perlembagaan Persekutuan. [4m]
2	Senaraikan <b>isu-isu sensitif</b> yang tidak boleh dipersoalkan dalam Perlembagaan Persekutuan. [4m]
3	Jelaskan <b>kepentingan</b> mempertahankan hak dalam kehidupan. [8m]
4	Huraikan <b>peranan</b> sebagai warganegara Malaysia. [8m]
1	Nyatakan hak sebagai seorang warganegara menurut Perlembagaan Persekutuan. [4m]

Hak sebagai seorang warganegara menurut Perlembagaan Persekutuan ialah **kebebasan diri**, **kesamarataan**, **kebebasan beragama** dan **kebebasan bersuara**.

2 Senaraikan **isu-isu sensitif** yang tidak boleh dipersoalkan dalam Perlembagaan Persekutuan. [4m]

**Isu-isu sensitif** yang tidak boleh dipersoalkan dalam Perlembagaan Persekutuan ialah **hak istimewa orang Melayu**, **Keistimewaan Raja-Raja Melayu**, **Bahasa Kebangsaan**, **Agama persekutuan**, dan **Kewarganegaraan**.

3 Jelaskan **kepentingan** mempertahankan hak dalam kehidupan. [8m]

Kepentingan mempertahankan hak ialah dapat **mengelakkan diskriminasi berlaku** sama ada kerana perbezaan kaum, jantina atau agama. Ini dapat elak rasa tidak puas hati. Perselisihan faham dan pergaduhan dapat dielakkan. Negara akan harmoni.

Kepentingan mempertahankan hak ialah **menjamin setiap orang mendapat hak yang sewajarnya**. Hak setiap individu tidak diabaikan sehingga menjejaskan kebajikan mereka. Contoh hak OKU dijaga untuk pastikan mereka dapat sokongan untuk hidup seperti manusia biasa.

4 Huraikan **peranan** sebagai warganegara Malaysia. [8m]

**Peranan** sebagai warganegara Malaysia ialah **mematuhi undang-undang negara**. Rakyat Malaysia harus akur kepada peraturan yang ditetapkan oleh negara. Contohnya tidak boleh melakukan jenayah. Perbuatan ini boleh menjejaskan keharmonian negara.

**Peranan** sebagai warganegara Malaysia ialah **mempertahankan kedaulatan negara**. Rakyat Malaysia memastikan negara tidak dijajah oleh negara lain. Kemerdekaan negara dapat dikekalkan. Warganegara Malaysia perlu ada semangat cinta akan negara.

#### UNIT 11 TING 4 : KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

1 Jelaskan **contoh / ciri** keunikan rakyat Malaysia. [4m]

2 **Nyatakan aktiviti** yang boleh dijalankan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan ? [4m]

3 Jelaskan **kepentingan** 重要性 keunikan rakyat Malaysia. [8m]

4 Jelaskan **cabaran** 挑战 dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

5 Terangkan **strategi / cara / usaha** 方法 mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

6 Senaraikan **agensi** yang mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [4m]

1 Jelaskan **contoh / ciri** keunikan rakyat Malaysia. [4m]

**Contoh / ciri** keunikan rakyat Malaysia ialah **bahasa** seperti bahasa Melayu dan Bahasa Tamil. **Pakaian** seperti baju Melayu dan sari. **Makanan** seperti nasi lemak dan tose. **Perayaan** seperti Tahun Baru Cina dan Pesta Menuai.

2 **Nyatakan aktiviti** yang boleh dijalankan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan ? [4m]

**Aktiviti** yang boleh dijalankan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah **pertandingan memasak makanan tradisional**, **Program Citrawarna Malaysia**, **Mengadakan rumah terbuka**, **Hari pakaian tradisional / pertandingan pakaian tradisional**, **Pertandingan permainan tradisional dan Pameran kebudayaan**. \*\* jawapan soalan kebudayaan = jawapan perpaduan.

3 | Jelaskan **kepentingan** 重要性 keunikan rakyat Malaysia. [8m]

Kepentingan keunikan rakyat Malaysia ialah **memupuk perpaduan antara kaum**. Rakyat dapat hidup harmoni. Rakyat tidak bergaduh kerana terima budaya kaum lain. Rakyat dapat mengeratkan hubungan antara kaum. Negara akan harmoni

Kepentingan keunikan rakyat Malaysia ialah **dapat menarik kedatangan pelancong luar negara**. Pelancong luar negara tertarik dengan pelbagai budaya dan perayaan yang terdapat di negara ini. Sektor pelancongan negara akan meningkat. Peluang pekerjaan seperti pemandu pelancong akan bertambah. Ekonomi negara meningkat.

4 | Jelaskan **cabaran** 挑战 dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

**Cabaran** dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **cabaran bahasa**. Rakyat Malaysia tidak pandai cakap bahasa Melayu. Contohnya, orang Cina suka cakap bahasa Cina dan tidak fasih bahasa Melayu. Mereka tidak dapat berkomunikasi / bercakap dengan orang Melayu dan orang India. Dengan itu, perselisihan faham boleh berlaku kerana tidak dapat faham dan tidak terima budaya kaum lain.

**Cabaran** lain dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **cabaran sosial**. Mereka tidak faham agama dan adat resam kaum lain. Mereka juga tidak menerima cara hidup kaum lain. Mereka anggap budaya sendiri yang adalah paling baik.

5 | Terangkan **strategi / cara / usaha** 方法 mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8m]

Strategi / cara / usaha mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **menerima kebudayaan kaum lain** dengan tidak memandang rendah adat atau kepercayaan kaum lain. Rakyat Malaysia boleh mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan harian dan mengadakan program yang melibatkan pelbagai kaum. Contohnya rumah terbuka semasa Tahun Baru Cina. Semasa rumah terbuka Tahun Baru Cina, boleh menjemput jiran dari pelbagai kaum untuk datang. Jiran pelbagai kaum akan kenal budaya kaum lain dan sanggup terima budaya kaum itu. Rakyat boleh buat rakaman video tentang budaya masing-masing dan sebar di media sosial seperti Instagram, facebook dan Whatsapp.

Strategi / cara / usaha mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **ibu bapa boleh mengajar anak-anak amalan budaya pelbagai kaum di rumah**. Ibu bapa boleh mendidik anak-anak untuk mengamalkan budaya kaum sendiri. Ibu bapa terangkan tentang budaya kaum lain yang berbeza dengan cara membawa anak-anak pergi ke pesta kebudayaan pelbagai kaum. Dengan ini, keharmonian masyarakat dapat dilahirkan.

6 | Senaraikan **agensi** yang mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [4m]

**Agensi** yang mengekalkan keunikan rakyat Malaysia ialah **muzium** 博物院, **Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan**, **Arkib Negara** 国家档案馆 dan **Kelab Budaya** 文化俱乐部 di sekolah.

## UNIT 12 TING 4 : KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

1 | Jelaskan **ciri negara berdaulat**. [4m]

2 | Huraikan **kepentingan** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

3 | Jelaskan **cabaran** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

4 | Huraikan **Implikasi pengabaian tanggungjawab** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

1 | Jelaskan **ciri negara berdaulat**. [4m]

**Ciri negara berdaulat** ialah **negara merdeka** iaitu tidak dijajah oleh kuasa lain dan tanpa campur tangan kuasa asing. **Ciri negara berdaulat** ialah **beridentiti nasional** iaitu mempunyai bendera rasmi dan lagu kebangsaan. **Ciri negara berdaulat** ialah **berwibawa** iaitu ada politik dan ekonomi yang stabil.

2 Huraikan **kepentingan** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

**Kepentingan** mempertahankan kedaulatan negara ialah **politik negara stabil** 政治穩定. Negara kuasa besar tidak datang ganggu Malaysia. Contohnya, ramai pelancong datang ke Malaysia kerana rakyat Malaysia bersatu padu. Dengan itu, pendapatan negara boleh bertambah kerana peluang pekerjaan banyak. Pembangunan negara dan imej negara juga dapat naik.

**Kepentingan** mempertahankan kedaulatan negara ialah **memupuk perpaduan antara kaum**. Ramai pelancong datang ke Malaysia kerana rakyat Malaysia hidup dengan bersatu padu. Dengan itu, Malaysia ada pemeritahan yang stabil dan tidak dipengaruhi oleh kuasa asing. Rakyat Malaysia boleh memberi sumbangan kepada negara Malaysia, Malaysia akan terkenal di seluruh dunia.

3 Jelaskan **cabaran** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

**Cabaran** mempertahankan kedaulatan negara ialah terdapat sesetengah rakyat Malaysia **tiada ada semangat cinta akan negara**. Mereka buat perkara yang boleh mencemarkan nama baik negara di luar dan negara lain akan pandang rendah kepada Malaysia. Contohnya, rakyat Malaysia terlibat dalam kegiatan seperti penyeludupan, penagihan dadah dan perbuatan yang melanggar undang-undang negara. Hal ini, kuasa besar akan campur tangan dalam politik Malaysia dan menjejaskan nama baik Malaysia.

**Cabaran** mempertahankan kedaulatan negara ialah rakyat Malaysia **kurang jati diri**. Jadi mereka mudah ditipu oleh hansutan dalam dan luar negara. Mereka mudah percaya kepada berita palsu yang boleh mengancam kedaulatan negara. Dengan itu, keamanan dan keselamatan negara akan terjejas.

4 Huraikan **Implikasi pengabaian tanggungjawab** mempertahankan kedaulatan negara. [8m]

**Implikasi pengabaian tanggungjawab** mempertahankan kedaulatan negara ialah **politik negara menjadi tidak stabil**. Sistem pemerintahan negara akan terjejas dan negara akan menjadi huru hara. Kuasa asing akan mengambil kesempatan 乘机 campur tangan dalam negara kita. Keharmonian dan keamanan negara juga akan terjejas kerana rakyat tiada ada cinta akan negara.

**Implikasi pengabaian tanggungjawab** mempertahankan kedaulatan negara ialah **ekonomi negara terjejas**. Pembangunan negara akan terjejas dan rakyat hilang peluang pekerjaan. Pendapatan rakyat akan menjadi kurang dan mereka akan hidup susah.

#### UNIT 10 TING 5 : PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA MENJAMIN KEHARMONIAN HIDUP

1 Nyatakan **sumber kewangan** yang diperolehi secara beretika. [4m]

2 Terangkan **cara mengurus kewangan secara beretika**. [4m]

3 **Justifikasikan kepentingan pengurusan kewangan** anda dalam kehidupan seharian. [8m]

4 Huraikan **Kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika**. [8m]

1 Nyatakan **sumber kewangan** yang diperolehi secara beretika. [4m]

**Sumber kewangan** yang diperolehi secara beretika ialah **gaji, bonus, sewa, insurans, upah, dividen, simpanan bank**.

2 Terangkan **cara mengurus kewangan secara beretika**. [4m]

**Cara mengurus kewangan secara beretika** ialah **memiliki aset tetap** seperti rumah, dan **menyertai skim pelaburan yang diiktiraf** seperti Amanah Saham Wawasan. **Cara mengurus kewangan secara beretika** ialah **simpan wang di bank untuk waktu kecemasan** seperti sakit dan kemalangan.

**3 Justifikasikan kepentingan pengurusan kewangan anda dalam kehidupan seharian. [8m]**

**Kepentingan pengurusan kewangan** ialah menjamin masa depan. Contohnya menabung sebagai persediaan untuk menyambung pelajaran. Saya juga boleh memiliki harta kekal seperti rumah. Dengan itu, hidup akan menjadi semakin baik.

**Kepentingan pengurusan kewangan** ialah mengurangkan beban kewangan. Dengan itu, saya boleh meningkatkan simpanan agar pulangan dividen bertambah. Saya juga dapat mengelakkan pinjaman yang tidak sepatutnya kerana pinjaman akan kena bayar hutang yang tinggi.

**4 Huraikan Kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika. [8m]**

**Kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika** ialah kadar muflis meningkat. Maka orang yang berhutang akan pergi meminjam duit, jadi pemberi hutang yang tidak berlesen bertambah. Orang yang berhutang juga akan bertambah dan wujud **komuniti** yang **boros**.

**Kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika** ialah kesan psikologi kepada individu kerana berasa tekanan akibat hutang yang banyak. Hubungan dengan ahli keluarga akan terjejas dan keselamatan keluarga terjejas. Hal ini kerana pemiutang 讨债人 akan datang ganggu ahli keluarga untuk tuntutan hutang 讨债.

**UNIT 7 & 12 TING 5 : MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA**

1	<b>Nyatakan implikasi</b> peperangan tersebut kepada masyarakat dunia. [4]
2	Anda bersetuju dengan pendapat bahawa penyelesaian konflik melalui perundingan damai adalah lebih baik berbanding dengan peperangan. <b>Berikan huraian anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.</b> [8]
3	Sejauh manakah pertubuhan antarabangsa mampu membantu menangani konflik antara negara? [8]
4	<b>Senaraikan bentuk kerjasama Malaysia</b> dengan negara luar. [4]
5	<b>Namakan pertubuhan antarabangsa</b> yang disertai oleh Malaysia. [4]
6	<b>Huraikan kepentingan</b> Malaysia menganggotai pertubuhan di atas. [8]
7	<b>Terangkan cabaran Malaysia</b> dalam mengekalkan hubungan antarabangsa. [8]

**1 Nyatakan implikasi** peperangan tersebut kepada masyarakat dunia. [4]

**Implikasi** peperangan tersebut kepada masyarakat dunia ialah kematian, kecederaan, kemusnahan harta benda, menyebabkan kesengsaraan, ketakutan dan berlaku krisis makanan.

**2** Anda bersetuju dengan pendapat bahawa penyelesaian konflik melalui perundingan damai adalah lebih baik berbanding dengan peperangan.  
**Berikan huraian anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.** [8]

**Nilai universal yang dipelajari** ialah nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai hormat, nilai kasih sayang, nilai toleransi.

Penyelesaian konflik melalui perundingan damai adalah lebih baik berbanding dengan peperangan kerana dapat menjamin kestabilan politik. Campur tangan kuasa asing tidak berlaku dan negara dapat menentukan pentadbiran negara sendiri. Ini dapat menarik pelabur asing datang melabur dan perdagangan antarabangsa dapat diteruskan. Ekonomi negara akan meningkat.

Penyelesaian konflik melalui perundingan damai adalah lebih baik berbanding dengan peperangan kerana dapat mengekalkan keamanan sejagat. Contohnya, konflik diselesaikan tanpa berperang. Semua masalah dapat diselesaikan melalui rundingan. Semua negara yang bergaduh dapat memberi pendapat masing-masing, ini dapat mengurangkan rasa tidak puas hati antara pihak yang bergaduh.

3 Se jauh manakah pertubuhan antarabangsa mampu membantu menangani konflik antara negara? [8] 国际组织如何帮助解决国家之间的冲突?

Pertubuhan antarabangsa mampu membantu menangani konflik antara negara dengan **mengarahkan gencatan senjata 停火协定** ke negara berkonflik untuk menamatkan pertumpahan darah. Hal ini untuk memastikan hak asasi manusia sejagat terpelihara. Contohnya PBB menghantar tentera pengaman ke negara-negara bergolak untuk mengembalikan keamanan.

Pertubuhan antarabangsa mampu membantu menangani konflik antara negara dengan **mengadakan rundingan damai**. Malaysia telah menjadi wakil khas PBB dalam beberapa rundingan di negara-negara berkonflik. Contoh, rundingan damai antara kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) bagi penubuhan wilayah autonomi Bangsamoro. Hal ini dapat mewujudkan kestabilan dan keamanan bukan sahaja di Selatan Filipina bahkan di rantau ini. Dengan ini, keamanan dan keharmonian bersama masyarakat dunia dapat dijaga.

4 Senaraikan bentuk kerjasama Malaysia dengan negara luar. [4]

Bentuk kerjasama Malaysia dengan negara luar ialah **sosial, ekonomi, politik dan keselamatan dan undang-undang antarabangsa**.

5 Namakan pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia. [4]

Namakan pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia ialah **PBB, OIC, NAM, ASEAN, Komanwel**.

6 Huraikan kepentingan Malaysia menganggotai pertubuhan di atas. [8]

**Kepentingan** Malaysia menganggotai pertubuhan di atas ialah dapat **meningkatkan pendapatan negara / dari segi ekonomi**. Malaysia dapat mempelbagaikan sumber ekonomi seperti perindustrian kereta proton dan perlancongan. Hal ini dapat membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pelaburan asing. Malaysia juga dapat meluaskan pasaran barangan ke negara luar dan Malaysia menjadi maju.

**Kepentingan** Malaysia menganggotai pertubuhan di atas ialah dapat **membina hubungan dunia yang selamat / dari segi keselamatan**. Hal ini dapat membanteras jenayah antarabangsa seperti pemerdagangan manusia / penyeludupan / pencerobohan melalui undang-undang antarabangsa. Contohnya undang-undang laut antarabangsa dapat selesaikan pertikaian antara negara melalui rundingan di mahkamah antarabangsa.

7 Terangkan cabaran Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa. [8]

**Cabaran negara** dalam mengekalkan hubungan antarabangsa ialah **perbezaan bahasa**. Semua negara mempunyai bahasa yang berlainan. Contohnya, rakyat Malaysia bercakap bahasa Melayu dan negara Jepun bercakap bahasa Jepun. Hal ini menyukarkan komunikasi dan salah faham antara negara.

**Cabaran negara** dalam mengekalkan hubungan antarabangsa ialah **perbezaan ideologi**. Sistem pentadbiran negara di dunia adalah bebez. Contohnya, Malaysia adalah negara demokrasi dan negara China adalah negara komunis. Ideologi yang tidak sama akan menimbulkan pendapat yang berbeza.

#### UNIT 4 TING 4 & 5 : TMK

1 Senaraikan jenis penyalahgunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). [4m]

2 Bincangkan punca berlakunya penipuan atas talian / jenayah siber. [8m]

3 Huraikan kesan buli siber kepada mangsa buli. 网络霸凌受害者. [8m]

4 **Jelaskan langkah** untuk menangani penipuan atas talian / jenayah siber / siber buli / penyebaran berita palsu. [8m]

1 **Senaraikan jenis penyalahgunaan** Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). [4m]

Jenis penyalahgunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ialah **pengodaman komputer, penyebaran virus, penipuan atas talian, jenayah siber, siber buli, dan penyebaran berita palsu.**

2 **Bincangkan punca** berlakunya penipuan atas talian / jenayah siber / siber buli / penyebaran berita palsu. [8m]

**Punca** berlakunya penipuan atas talian / jenayah siber ialah **sikap tamak**. Mereka mahu cepat jadi kaya. Mereka mahu mendapat wang banyak dalam masa pendek.

**Punca** berlakunya penipuan atas talian / jenayah siber ialah **mereka mudah percaya**. Mereka tidak menyemak maklumat itu betul atau salah. Sebagai contoh, mereka takut dan terus bagi wang kepada orang yang menelefon mereka. Mereka telah hilang banyak wang dan hidup mereka jadi susah.

3 Huraikan **kesan** buli siber kepada mangsa buli. 网络霸凌受害者. [8m]

**Kesan** buli siber kepada mangsa buli ialah **mangsa buli menjadi takut**. Mereka akan hidup dalam risau dan tidak dapat fokus kepada pelajaran dan kerja. Keputusan exam mereka akan teruk.

**Kesan** buli siber kepada mangsa buli ialah **mangsa buli hilang keyakinan diri**. Mereka berasa diri mereka tidak berguna. Mereka tidak berani lawan balik buli siber. Mereka akan menyendiri. 自己一个人. Mereka akan bunuh diri.

4 **Jelaskan langkah** untuk menangani penipuan atas talian / jenayah siber / siber buli / penyebaran berita palsu. [8m]

**Langkah** untuk menangani penipuan atas talian / jenayah siber / siber buli / penyebaran berita palsu ialah **melaporkan kepada pihak berkuasa**. Contohnya, hubungi MCMC di aduan skmm.gov.my untuk melaporkan kes buli siber supaya pembuli dapat dikenakan tindakan tegas. Mereka tidak mengulangi kesalahan dan dapat memastikan pengguna lain tidak dibuli. Hukuman yang diberi dapat menjadi pengajaran kepada pembuli / sebagai amaran kepada pembuli yang lain

**Langkah** untuk menangani penipuan atas talian / jenayah siber / siber buli / penyebaran berita palsu ialah **minta bantuan dan nasihat daripada orang dewasa / orang yang boleh dipercayai**. Contohnya, mendapat panduan cara atasi masalah supaya tidak menghadapi masalah secara keseorangan. Ini dapat mengurangkan tekanan dibuli.

IF YOU THINK YOU CAN YOU CAN

天下无难事,只怕有心人

你就是那位有心人

加油